

MRL Santuni Warga Emas dan Anak-Anak Yatim sempena Ramadhan

Kota Bharu, 27 Mac: Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) telah menghulurkan sumbangan kepada warga emas dan anak-anak yatim di beberapa pusat penjagaan dan rumah kebajikan di negeri Kelantan bersempena dengan bulan Ramadhan.

Inisiatif menyantuni serta meringankan beban golongan kurang berkemampuan dan kurang upaya akan diteruskan sepanjang bulan Ramadhan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti di jajaran Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Di negeri Kelantan, sukarelawan MRL yang diketuai unit Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah melawat Pusat Jagaan Shalis Care Centre Telipot di Bandar Kota Bharu pagi ini dengan berkongsi rezeki nikmat Ramadhan kepada seramai lebih 20 warga emas yang termasuk penghuni uzur dan kurang upaya.

Selari dengan usaha meneruskan khidmat kemasyarakatannya, MRL, selaku pemilik projek ECRL, berbesar hati dapat memberi bantuan kepada pusat jagaan dalam bentuk makanan dan barangan keperluan seperti biskut, minyak masak, beras, minuman, lampin dewasa dan bahan pencuci.

Selain daripada itu, sukarelawan MRL yang diterajui bahagian Pihak Berkepentingan telah membawa kira-kira 30 anak-anak yatim dan kakitangan dari Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Lilbanin Sri Peraksi' di Cherang Ruku untuk majlis 'Iftar Bersama ECRL' di Hotel Perdana Kota Bharu dan diikuti solat Maghrib berjemaah pada malam ini.

Pihak pengurusan dan warga kerja MRL turut sempat beramah-mesra bersama anak-anak yatim semasa majlis iftar dalam mengukuhkan lagi ikatan ukhuwah di bulan Ramadhan ini. Sehubungan, MRL juga mengambil inisiatif berkongsi rezeki dengan anak-anak yatim dengan menyempurnakan pemberian duit raya kepada mereka.

Penyampaian cek sumbangan MRL kepada wakil Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Lilbanin Sri Peraksi juga disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob, yang diiringi Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak di majlis 'Iftar Bersama ECRL.'

Sementara itu, kerja-kerja infrastruktur bagi pembinaan jajaran ECRL di negeri Kelantan berjalan dengan lancar dan telah mencapai kemajuan sekitar 50 peratus setakat ini. Kerja-kerja yang giat dijalankan antaranya merangkumi pemasangan rasuk jejambat (*beam launching*) yang telah bermula dari jambatan di Jerus, Pasir Puteh dan kini menghampiri kawasan Padang Raja, Melor.

Kerja-kerja penambakan tanah (*subgrade*) yang meliputi 16 daripada 19 lokasi keseluruhan di negeri Kelantan telah pun bermula manakala, kerja-kerja rawatan tanah dan penanaman cerucuk bagi Stesen ECRL Kota Bharu di Tunjong serta kerja-kerja rawatan tanah bagi Stesen ECRL Pasir Puteh di Kampung Jeram juga sedang giat dijalankan.

Berdasarkan kemajuan kerja tersebut, pembinaan projek ECRL di negeri Kelantan yang meliputi jajaran sepanjang 43.86 kilometer dijangka siap menjelang akhir tahun 2026 mengikut jadual yang ditetapkan.

-Tamat-